

## **KOMITMEN MALAYSIA DALAM KONFLIK ISRAEL-PALESTIN: 1957-2014**

### ***MALAYSIA COMMITMENT IN ISRAEL-PALESTIN CONFLICT: 1957-2014***

**Nurul Fatimah Yusoff<sup>1</sup>**

Center For History Politics And Strategic Studies  
Faculty Of Social Sciences And Humanities  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Azlizan Mat Enh<sup>2</sup>**

Center For History Politics And Strategic Studies  
Faculty Of Social Sciences And Humanities  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Email: azlizan@ukm.edu.my)

**Zubaidah Vp Hamzah<sup>3</sup>**

Center For History Politics And Strategic Studies  
Faculty Of Social Sciences And Humanities  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Accepted date:** 14-04-2019

**Published date:** 17-07-2019

**To cite this document:** Yusoff, N. F., Mat Enh, A., & Hamzah, Z. V. (2019). Komitmen Malaysia dalam Konflik Israel-Palestin: 1957-2014. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Work*, 1(1), 01-11.

**DOI:** 10.35631/ijppsw.11001

---

**Abstrak:** Artikel ini membincangkan pendirian dan komitmen Malaysia dalam dasar luarnya berhubung konflik Israel-Palestin. Dasar luar Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin iaitu mengutamakan keselamatan dan keamanan di rantau Asia Barat atau Timur Tengah. Aspek yang lebih penting ialah komitmen Malaysia terhadap usaha membebaskan bumi Palestin dari penaklukan dan penindasan rejim zionis Israel yang disokong kuat oleh kuasa-kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Britain. Walaupun pelbagai proses runding damai telah diadakan antara Israel dan Palestin namun begitu penyelesaian yang konkrit belum dapat dicapai secara mutlak. Objektif yang ingin dicapai ialah menganalisis faktor yang mendorong Malaysia untuk terlibat dalam konflik Israel-Palestin. Metodologi yang digunakan ialah penyelidikan sumber primer di Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL). Hasil kajian mendapati Malaysia terlibat dalam konflik tersebut adalah atas faktor kemanusiaan sejagat dan agama Islam.

**Kata Kunci:** Malaysia, Palestin, Israel, Amerika Syarikat, Dasar Luar, Konflik

**Abstract:** This study discusses Malaysia's stand and commitment in its foreign policy in the Israeli-Palestinian conflicts. Malaysia's foreign policy towards the Israeli-Palestinian conflicts is to prioritize security and stability in the region of West Asia or the Middle East. A more important aspect is Malaysia's commitment to the liberation of the Palestinian land from the conquest and oppression of the Zionist regime which are strongly supported by the major

*powers such as United States and Britain. Although various peace negotiations have been held between Israel and Palestine, yet such concrete solutions have not yet been achieved in absolute terms. The objective of this paper is to analyze the reason Malaysia is actively involved in the Israeli-Palestinian conflicts. The methodology that was used in this research is using primary resources such as files and documents from National Archive Kuala Lumpur, Official Statements of Parliament of Malaysia, speech texts and newspaper clippings. The finding shows that Malaysia is involved in the conflict due to the humanitarian and Islamic religion.*

**Keywords:** *Malaysia, Palestine, United States of America, Foreign Policy, Conflicts*

---

## **Pengenalan**

Isu Palestin dalam konteks hubungannya Israel merupakan isu global yang seharusnya ditangani dengan segera. Ini adalah melibatkan pencerobohan sesebuah negara ke atas sebuah negara berdaulat yang tidak semestinya dibiarkan berpanjangan. Krisis keamanan dan pergolakan yang melanda Timur Tengah atau Asia Barat antara Palestin dan Israel mendesak Malaysia memainkan peranan yang pro-aktif terutamanya berkaitan dengan konflik Israel-Palestin. Pembentukan negara Yahudi memulakan pergolakan politik di seluruh Timur Tengah terutamanya antara Israel dan Palestin. Idea asal penubuhan negara Israel di Palestin dicetuskan oleh Theodor Herzl dalam bukunya bertajuk *Der Judenstaat* atau *The State of Israel*.<sup>1</sup> Dokumen tersebut menjadi bahan utama untuk mendirikan sebuah negara Israel di Palestin. Kepercayaan bahawa kononnya bumi Palestin telah diwariskan oleh Tuhan mereka kepada bangsa Yahudi yang dinyatakan dalam kitab Old Testament membangkitkan semangat rejim zionis Israel untuk menubuhkan negara di Palestin.<sup>2</sup>

Pada 14 Mei 1948, Perdana Menteri pertama Israel iaitu David Ben Gurion telah mengadakan upacara di Tel Aviv untuk mengisytiharkan kelahiran negara baru Israel di Palestin. Seterusnya, 15 Mei 1948, kerajaan Israel berjaya mendirikan negara yahudi di bumi Palestin dengan pertolongan kuasa-kuasa besar iaitu British dan Amerika Syarikat.<sup>3</sup> Kekalahan kerajaan Turki Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama (1914-1918) menyebabkan Palestin diletakkan di bawah mandat British kemudiannya diserahkan kepada Israel untuk mendirikan negara yahudi.<sup>4</sup> Beberapa negara lain seperti Soviet Union, Poland dan Ireland turut mengiktiraf pembentukan negara Israel di Palestin.<sup>5</sup>

Sejak dari itulah pertempuran meletus antara tentera Zionis Israel dengan pejuang Palestin dan Arab. Keadaan ini berlangsung dengan lamanya sehingga tercetus Perang Israel-Arab. Perang Israel-Arab adalah Perang Enam Hari yang berlaku pada tahun 1967. Kesan daripada peperangan tersebut membawa kepada penaklukan Israel ke wilayah Tebing Barat, Semenanjung Gaza dan Timur Baitulmaqdis. Keadaan ini membawa kepada rampasan tanah-tanah di wilayah-wilayah tersebut untuk penempatan penduduk Yahudi, kepentingan tenaga

<sup>1</sup> The Question of Palestine, hlm. 24.

<sup>2</sup> Mustaffa Suhaimi, *Palestin 40 Tahun Dalam Neraka Zionis*, Najdi Publication, Petaling Jaya, 1988, hlm, 9-11.

<sup>3</sup> Middle East T.T, 15 January 1989.

<sup>4</sup> Ermy Azziaty Rozali & Azmeel Fakimi Kamaruzaman, "Perang Dunia Pertama, Deklarasi Balfour Dan Kesannya Terhadap Palestin", *International Journal Of West Asian Studies*, Vol. 4, No. 1 (Disember 2011), Pp. 49-70.

<sup>5</sup> Hafidzi Mohd Noor, *Israel: Kenapa Dunia tidak Boleh mengiktirafnya Satu Sorotan Sejarah (1917-1948)*, JIM International & JIMedia Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM), 2006, hlm. 7-9.

buruh kos rendah<sup>6</sup> serta aktiviti pertanian mereka.<sup>7</sup> Tentera Zionis Israel bukan sahaja merampas dan menakluk Palestin malahan melancarkan serangan yang ganas dan kejam terhadap mereka. Keganasan Zionis Israel terus memuncak terhadap penduduk Palestin di kawasan kampung dan bandar. Kumpulan pengganas keturunan Yahudi dikenali sebagai pasukan Irgun melakukan pembunuhan kejam terhadap penduduk di perkampungan Deir Yassin pada 9 atau 10 April turut menyerang Jaffa. Pada 26 Mei, kumpulan Haganah melancarkan serangan ganas dan mengusir penduduk di perkampungan yang didiami oleh suku Arab dari kelas menengah. Kanak-kanak, wanita dan orang tua yang tidak berdosa menjadi mangsa kekejaman Zionis. Penduduk Palestin yang masih hidup menjadi pelarian di Jordan, Syria, Mesir dan Lubnan sejak 1948 sehinggalah 2014.<sup>8</sup> Malahan kekejaman dan kezaliman tentera Zionis terhadap rakyat Palestin mendapat restu dan sokongan padu dari kuasa-kuasa barat seperti Amerika Syarikat, Britain, Romania dan Uruguay.<sup>9</sup>

Rejim zionis Israel meneruskan proses menguasai seluruh Palestin melalui kekejaman, pengusiran, pembunuhan mahupun pembantaian penduduk Palestin sejak 1948 telah mendapat reaksi dan penentangan dari masyarakat antarabangsa termasuklah Malaysia. Kebiadapan rejim zionis, menarik perhatian Malaysia untuk memperjuangkan hak dan keadilan penduduk Palestin. Sejak negara merdeka, Malaysia telah menegaskan pendirian berkaitan dengan isu konflik Palestin-Israel. Walaupun pimpinan negara sentiasa silih berganti, namun begitu Malaysia sentiasa bersikap tegas dan konsisten menyelesaikan isu antarabangsa termasuklah konflik Israel-Palestin. Bermula Era Tunku Abdul Rahman sehingga pimpinan Datuk Seri Najib Razak, Malaysia sentiasa berperanan aktif dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkekal dalam konflik Israel-Palestin ke arah mewujudkan negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Keberanian dan lantang menyuarakan isu konflik Israel-Palestin di forum persidangan dan mesyuarat sama ada di dalam negara mahupun peringkat antarabangsa dan serantau.

Malaysia memainkan peranan utama dalam mencari jalan perdamaian terhadap konflik Israel-Palestin. Peranan Malaysia sebagai agen pengaman telah diiktiraf dunia. Malahan Malaysia dipandang tinggi kerana komitmen dan konsistensi dalam memperjuangkan dan menyokong keamanan dunia terutamanya mengenai isu Palestin. Sebagai sebuah negara Islam dan sentiasa konsisten menentang kezaliman dan pencabulan hak asasi manusia ke atas penduduk Palestin oleh rejim zionis, Malaysia tidak pernah tunduk atau takut dengan tekanan Israel atau Amerika Syarikat. Hal ini jelaslah menunjukkan pendirian Malaysia yang konsisten berhubung konflik Israel-Palestin.

### **Faktor Komitmen Malaysia Berhubung Konflik Israel-Palestin**

Sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi, Malaysia telah menjalinkan hubungan yang erat dengan negara-negara Islam. Komitmen dan keutamaan terhadap hubungan dengan negara-negara Islam sebagai salah satu asas hubungan luarnya. Bermula Era Tunku Abdul Rahman sehingga pemerintahan Datuk Seri Najib Razak, Malaysia sentiasa berperanan aktif dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkekal dalam menangani konflik Israel-Palestin ke arah mewujudkan negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Malaysia secara terbuka dan lantang memperjuangkan hak asasi rakyat Palestin

<sup>6</sup> Palestine, Vol. 6, No. 21, 30 November 1980, hlm. 23.

<sup>7</sup> Israel Review Vol. II, No. 2, March/April 1986, hlm. 8-9.

<sup>8</sup> Mustaffa Suhaimi..., 1988, hlm, 4-5.

<sup>9</sup> Mustaffa Suhaimi..., 1988, hlm, 12-15.

peringkat dalam negara, serantau, antarabangsa.<sup>10</sup> Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman diberi penghormatan untuk menjadi setiausaha Agung Pertama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).<sup>11</sup> Dalam pertubuhan OIC tersebut, peranan Malaysia adalah jelas iaitu menggesa masyarakat antarabangsa bersungguh-sungguh menangani konflik orang Palestin menentang zionis Israel.<sup>12</sup>

Konflik Israel-Palestin merupakan isu penting dalam pembentukan dasar luar Malaysia sejak mencapai kemerdekaan 1957. Pada awal kemerdekaan, berbaik-baik dan menjalinkan hubungan erat negara-negara Islam dan Arab matlamat utama dasar luar Malaysia. Maka terbentuknya dasar luar kerajaan Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin iaitu mengutamakan keselamatan Palestin dan memberikan pelbagai sokongan dan bantuan terbuka dalam bidang politik dan ekonomi.<sup>13</sup> Selain itu, Malaysia juga tidak menjalinkan hubungan diplomatik dengan Israel dalam usaha menentang sekeras-kerasnya dasar zionisme di Palestin.<sup>14</sup> Dasar luar dan penglibatan Malaysia dalam memperjuangkan hak Palestin tersebut adalah amat jelas sekali. Terdapat beberapa faktor yang menjadi asas kepada pembentukan dasar luar Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin iaitu ummah, isu kemanusiaan, ketegasan dalam kepimpinan atau idiosinkratik, kelemahan kuasa-kuasa besar menangani konflik Israel-Palestin dan isu hak asasi manusia.<sup>15</sup>

Sejak tahun 1960-an lagi, Malaysia telah mengambil langkah pro-aktif mempertahankan kedaulatan Palestin. Di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, Malaysia buat pertama kalinya mengusul anti-Israel di Persidangan Aqsa, Rabat pada tahun 1969 ekoran pembakaran Masjid Al-Aqsa oleh Israel.<sup>16</sup> Manakala, rakyat Malaysia telah bersatu padu mengutip derma untuk membantu rakyat Palestin. Tambahan pula, masjid di seluruh Malaysia mengadakan khutbah Jumaat mengenai pembakaran Masjid Al-Aqsa dan serentak diadakan sambutan 'Hari Palestin'.<sup>17</sup>

Kemudian, Malaysia meluahkan rasa kecewa kerana kegagalan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menjamin keamanan, keselamatan dan hak asasi rakyat Palestin sejak tercetusnya perang Enam Hari 1967 sehingga peristiwa Sabra dan Shatilla pada tahun 1982.<sup>18</sup> Pada tahun 1990-an, Malaysia di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohammad bersama-sama dengan Menteri Luarnya Tun Abdullah Ahmad Badawi memainkan peranan penting mendesak PBB mempercepatkan proses damai di Timur Tengah memandangkan konflik Israel-Palestin telah lama berlarutan.<sup>19</sup> Selepas memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, Tun Abdul Ahmad Badawi meneruskan komitmen Malaysia memperjuang isu Palestin. Dalam kenyataan beliau di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya pada 29 November

<sup>10</sup> Penyata Rasmi Parlimen, 2008.

<sup>11</sup> Penyata Rasmi Parlimen, 1987.

<sup>12</sup> Koleksi Keratan Akhbar UMNO Kementerian Luar, 1985-1991.

<sup>13</sup> Penyata Rasmi Parlimen, 2012.

<sup>14</sup> Penyata Rasmi Parlimen, 2006.

<sup>15</sup> Difficult Journey to Next Millenium For UN and Palestine by Abdullah Ahmad, 23 March 1997, hlm. 19.

<sup>16</sup> *Berita Harian*, 22 September 1969, hlm. 19.

<sup>17</sup> *Utusan Melayu*, 18 September 1969, hlm. 10.

<sup>18</sup> Text of Statement of H.E. Tan Sri Ghazali Shafie, Minister of Foreign Affairs, Malaysia and Leader of Malaysian Delegation to the International Conference on the Question of Palestine, Geneva, 29<sup>th</sup> August - 7<sup>th</sup> September 1983.

<sup>19</sup> *Watan*, 5 October 1991, Bil. 19, hlm. 25.

2005 menyeru umat Islam di seluruh dunia terus bersatu padu menyokong dan membantu rakyat Palestin.<sup>20</sup>

### ***Ummah***

Asas dasar luar Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin ialah ummah atau persaudaraan Islam. Ummah merupakan asas penting dalam pembentukan dasar luar Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin. Berdasarkan prinsip ummah dan persaudaraan Islam, umat Islam di seluruh dunia perlu membantu saudara Islam yang ditindas dan dizalimi oleh musuh (konflik Israel-Palestin).<sup>21</sup> Dalam konteks ini, Malaysia perlu memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di Palestin tanpa mengira bangsa dan ideologi. Hal ini demikian kerana, konflik Israel-Palestin merupakan isu sejagat umat Islam di seluruh dunia dan berkait rapat persaudaraan Islam dan aqidah umat Islam. Sebagai contoh, usaha untuk membebaskan Masjid Al-Aqsa adalah isu aqidah. Masjid al-Aqsa adalah qiblat pertama umat Islam dan tempat berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj yang perlu dipelihara kesuciannya sehinggalah kiamat. Sementara itu, membela nasib saudara kita iaitu rakyat Palestin adalah isu persaudaraan Islam.<sup>22</sup> Hal ini menjadi bukti yang kuat bahawa isu Palestin bukan sekadar isu orang Palestin sahaja, bukan isu orang-orang Arab sahaja bahkan isu Palestin adalah isu umat Islam sejagat.<sup>23</sup>

Oleh sebab itu, isu Palestin sebagai isu penting dari segi dasar terhadap dunia Islam dengan sokongan padu terhadap perjuangan rakyat Palestin. Dasar luar Malaysia meletakkan Ummah serta persaudaraan Islam sebagai asas penting berhubung dengan konflik Israel-Palestin. Sejak beberapa dekad ini, Malaysia memperjuangkan hak kedaulatan Palestin dan mengambil sikap anti zionisme. Hal ini jelaslah mencerminkan bahawa Dasar Luar Malaysia sering diwarnai oleh kedudukan Islam serta aktifnya negara untuk menjaga keamanan sejagat dan menyeru kepada perpaduan Ummah.<sup>24</sup> Malaysia sentiasa memperjuangkan agenda Palestin di semua platform antarabangsa dan telah mencadangkan agar misi pengaman PBB dihantar ke kawasan tersebut untuk membantu memulihkan konflik politik serta memantau persoalan berkaitan hak asasi manusia atau pelanggaran terhadapnya. Namun demikian, keputusan untuk menghantar misi pengaman hanya boleh dilakukan melalui Majlis Keselamatan PBB dan tiada pihak lain yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan.<sup>25</sup>

Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa, faktor ummah menjadi asas kepada penggubalan dasar luar Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin. Malaysia terus mengambil pendirian tegas dan komitmen yang berterusan dalam memperjuangkan isu Palestin sehinggalah proses keamanan dan perdamaian yang mutlak dapat diwujudkan di Timur Tengah.

### ***Isu Kemanusiaan***

Asas kedua penting dalam penggubalan dasar luar Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin ialah isu kemanusiaan. Isu kemanusiaan diambil kira sebagai asas penting dalam pembentukan dasar luar Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin. Hal ini kerana isu Palestin merupakan isu kemanusiaan yang melibatkan persoalan mengenai penderitaan dan

<sup>20</sup> Chandran Jeshurun, *Malaysia: Fifty Years of Diplomacy 1957-2007*, The Others Press, Kuala Lumpur, 2007, hlm. 322.

<sup>21</sup> *The New Straits Times*, 19 October, 2003, hlm. 2.

<sup>22</sup> Anidah Robani, *The Palestinian Issue: A Malaysian Perspective, 1957-2003*, IIUM Press, 2009, hlm.

31.

<sup>23</sup> Anidah Robani..., 2009, hlm. 57.

<sup>24</sup> World Muslims League, Vol.III, No. 15, August-September 1967.

<sup>25</sup> Palestine National Congress, Vol. 14.

kesengsaraan berpanjangan yang terpaksa ditanggung oleh umat Islam di Palestin. Jutaan pelarian yang meninggalkan tanah airnya sendiri berhadapan masalah pengangguran dan cacat anggota. Kehilangan harta benda dan nyawa termasuk golongan wanita, kanak-kanak, bayi dan warga emas berterusan. Anak-anak menjadi yatim kerana kehilangan ibubapa dan isteri menjadi janda kerana kehilangan suami yang terkorban mempertahankan Palestin dari terus dijajah dan dicabuli.<sup>26</sup>

Malahan kekejaman yang melampau dan pembersihan etnik ke atas masyarakat Palestin oleh rejim zionis Israel yang telah memasuki 66 tahun (1948-2014) sehingga kebiadapan Israel ke atas penduduk Palestin sudah tidak terbatas lagi. Hal ini dilihat jelas melalui peristiwa pembantaian rakyat Palestin di kem pelarian Shabra dan Shatila, Beirut, Lebanon pada tahun 1982. Pembunuhan beramai-ramai melibatkan pelarian lelaki, wanita dan kanak-kanak Palestin oleh gerakan Kristian Phalangist.<sup>27</sup> Rejim zionis Israel terus menerus menyerang dan membunuh orang-orang Palestin di kem-kem pelarian di Jordan, Mesir dan Syria tanpa belas kasihan. Penduduk awam di Gaza, Tebing Barat dan wilayah lain dibunuh dengan kejam termasuklah kanak-kanak, wanita dan warga emas. Keganasan yang dilakukan oleh pihak Israel bukan sahaja mencetuskan ancaman serius kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa tetapi secara terang-terangan rejim zionis Israel mencabuli hak asasi manusia dan piagam PBB.<sup>28</sup>

Atas faktor isu kemanusiaan inilah, Malaysia telah bertindak menggubal dasar luar yang pro-aktif dan konsisten untuk membantu umat Islam di Palestin. Dasar luar Malaysia berhubung konflik Israel-Palestin adalah jelas iaitu mengutamakan keselamatan dan kestabilan di Palestin serta memberi bantuan dan pelbagai sokongan kepada rakyat Palestin.<sup>29</sup> Hal ini kerana, penderitaan rakyat Palestin akan berterusan dan keamanan dunia khususnya di Timur Tengah sentiasa terancam. Selagi itulah, rejim zionis Israel akan terus menerus menduduki bumi Palestin dan melakukan kekejaman yang tidak berperikemanusiaan. Malaysia berpegang teguh kepada pendirian bahawa keganasan rejim zionis Israel ke atas penduduk Palestin perlu diberhentikan serta-merta kerana Israel telah mencabuli undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Bantuan kemanusiaan diberikan kepada penduduk Palestin untuk mengurangkan beban dan kesusahan hidup sama ada dari segi kewangan, kemudahan infrastruktur dan sebagainya. Negara dan rakyat Malaysia sememangnya memberi sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin.<sup>30</sup>

Hal ini jelaslah menunjukkan isu kemanusiaan merupakan faktor penting dalam proses pembentukan dasar luar Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin khususnya ke arah memperjuangkan tanah dan hak umat Islam di Palestin.

### ***Ketegasan kepimpinan Malaysia/ Idiosinkratik***

Di samping itu, asas penting kepada penggubalan dasar luar Malaysia berhubung dengan konflik Israel-Palestin ialah ketegasan kepimpinan Malaysia atau idiosinkratik. Idiosinkratik menjadi faktor penting kepada pembentukan dasar luar khususnya memperjuangkan isu Palestin. Faktor idiosinkratik tersebut merangkumi personaliti, sikap dan peranan serta kepimpinan yang luar biasa, berpengaruh, berkesan dan kebijaksanaan yang disegani oleh

<sup>26</sup> *Suara Kebangkitan*, 7 November 2014.

<sup>27</sup> *The Economist*, 20-26 April 1996, hlm. 18-19.

<sup>28</sup> *Suara Kebangkitan*, 7 November 2014.

<sup>29</sup> Koleksi Keratan Akhbar UMNO Hubungan Politik dan Diplomati 1966-1990

<sup>30</sup> *Milenia Muslim*, Mei & Disember 2008

masyarakat antarabangsa. Berdasarkan konsep idiosinkratik, Perdana Menteri merupakan individu yang paling penting yang terlibat dengan penggubalan dasar luar. Perdana Menteri Malaysia yang memiliki aspek idiosinkratik ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad.<sup>31</sup> Aspek idiosinkratik beliau menjadi asas penting dalam pertimbangan dasar luar Malaysia. Beliau mengambil kira nilai Islam, perpaduan dan kepentingan ummah dalam reaksi, tindakan, dan hubungan Malaysia dengan negara luar khususnya konflik Israel-Palestin. Komitmen dan keutamaan beliau mengenai isu dunia Islam khususnya konflik Palestin-Israel adalah jelas dan tidak terbatas.<sup>32</sup>

Beliau meletakkan setiap isu yang membabitkan kepentingan dan kebajikan umat Islam di Palestin dalam dasar luar Malaysia setanding dengan kepentingan ASEAN (Pertubuhan negara-negara Asia Tenggara), pergerakan NAM (Pergerakan negara-negara Berkecuali) dan negara Komanwel. Lebih penting lagi ialah isu Palestin dalam dasar luar Malaysia tidak terpinggir walaupun isu-isu antarabangsa menjadi tumpuan Tun Mahathir. Pendekatan yang digunakan oleh Tun Mahathir lebih meluas berbanding dengan pemimpin sebelumnya dalam membawa isu tersebut ke peringkat yang lebih tinggi.<sup>33</sup>

Selain itu, kelantangan beliau telah mewujudkan permusuhan dengan negara-negara berkuasa besar demi mempertahankan dan memperjuangkan hak dan tanah Palestin. Sejak Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia mulai 1981, banyak perubahan telah berlaku terhadap pendekatan dasar luar Malaysia. Dasar luar Malaysia di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dipergunakan untuk menangani konflik Israel-Palestin.<sup>34</sup> Tun Dr. Mahathir juga tidak ragu-ragu untuk menggunakan forum-forum antarabangsa dan serantau untuk menyelar dan membidas negara-negara kuasa besar yang menindaskan dan menyokong kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin. Beliau juga memperjuangkan ketidakadilan dan nasib rakyat penduduk Palestin. Tun Dr. Mahathir juga mengutarakan isu Palestin dalam persidangan antarabangsa seperti PBB, NAM, OIC, Liga-liga Arab. Beliau juga lantang mengkritik dan mengutuk kuasa-kuasa besar yang tidak bersungguh-sungguh dan tidak ikhlas dalam menangani pergolakan di Timur Tengah terutamanya konflik Israel-Palestin.<sup>35</sup>

Hal ini jelaslah Beliau merupakan pemimpin negara yang paling lantang menuntut keadilan keadilan dalam politik antarabangsa dan menentang keganasan yang dilakukan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain dan sekutunya kerajaan Israel terhadap rakyat Palestin. Beliau juga seorang pemimpin yang berpengaruh dalam memperjuangkan isu Palestin malahan beliau berjaya menonjolkan dirinya sebagai pemimpin yang berpendirian tegas berhubung konflik Israel-Palestin sehingga beliau disegani dan dikagumi oleh pemimpin-pemimpin dunia yang lain. Di peringkat antarabangsa dan serantau atau dalam negara, sesungguhnya keberkesanan peranan yang dimainkan oleh beliau dalam isu konflik Israel-Palestin.<sup>36</sup>

<sup>31</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005*, Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm. 18-19.

<sup>32</sup> Kadir, M A, *Keamanan Sejagat: Peranan Malaysia dalam Politik Antarabangsa*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1991. hlm. 184.

<sup>33</sup> *The New Straits Times*, 13 October, 2003, hlm. 1.

<sup>34</sup> Dhillon, K S, *Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era 1981-2003*, NUS Press, Singapore, 2009, hlm 14-18.

<sup>35</sup> Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 103-10

<sup>36</sup> Chamil Wariya..., 1989, hlm. 103-104.

### ***Kelemahan Kuasa-Kuasa Besar Menangani Isu Palestin***

Satu lagi faktor penting yang menjadi asas kepada pembentukan dasar luar Malaysia ialah kelemahan kuasa-kuasa besar dalam menangani konflik Israel-Palestin. Kelemahan kuasa-kuasa dalam menangani konflik Israel-Palestin mendorong Malaysia menggubal dasar luar yang lebih pro-aktif dalam memperjuangkan isu Palestin. Kuasa-kuasa besar menghebahkan dan kononnya sentiasa memperjuangkan keadilan, hak asasi manusia dan sebagainya. Jika mereka tidak berlaku adil kepada rakyat Palestin, hal ini menunjukkan mereka tidak serius dan tidak bersungguh-sungguh dalam membantu rakyat Palestin. Jika merujuk kepada umat Islam, mereka sememangnya lemah dalam menjalankan peranan untuk mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat.<sup>37</sup>

Sejak tahun 1948, usaha mewujudkan keamanan di Timur Tengah telah dijalankan melalui rundingan damai. Rundingan damai diadakan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil peranan sebagai badan pengaman. Penempatan haram Yahudi di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat merupakan isu yang paling banyak diusulkan dalam persidangan PBB selain pencabulan hak asasi rakyat Palestin. Negara-negara Islam termasuk Malaysia yang menganggotai Majlis Keselamatan lantang mengusulkan resolusi untuk menyokong rakyat Palestin. Terdapat lebih kurang 60 resolusi yang memihak kepada Palestin misalnya isu pelarian Palestin.<sup>38</sup> Namun begitu, semua negara menyokong resolusi yang memihak kepada Palestin, Amerika Syarikat akan menggunakan kuasa vetonya supaya resolusi tersebut tidak dapat dilaksanakan. Ini menyebabkan resolusi tidak dapat dicapai sehingga gagal mewujudkan keamanan di Timur Tengah khususnya berhubung konflik Israel-Palestin. Hal ini memaksa Malaysia campur tangan dalam isu konflik Israel-Palestin untuk membela nasib rakyat Palestin.<sup>39</sup>

Pihak Malaysia turut tidak puas hati terhadap kegagalan kuasa-kuasa besar menyelesaikan pergolakan di Timur Tengah. Keadaan ini dapat dilihat sewaktu pasca Perang Arab-Israel 1967 di mana proses rundingan damai telah dijalankan bersama-sama dengan kuasa Besar Amerika Syarikat dan Rusia. Pihak Rusia memberi jaminan bahawa Presiden Mesir iaitu Nasir menerima tawaran diplomatik tetapi menemui kegagalan.<sup>40</sup> Pada Julai 1967, Amerika Syarikat dan Soviet Union bersepakat membuat draf perjanjian untuk dibentangkan dalam perhimpunan Agung PBB sebagai langkah asas menyelesaikan permasalahan hubungan Arab-Israel. Ekoran daripada itu, Majlis Keselamatan meluluskan Resolusi 242 pada 22 November 1967 untuk semua pihak bersetuju untuk mencapai kermanan dan genjatan senjata. Namun, Israel gagal menarik balik tenteranya yang menduduki wilayah di Tebing Barat dan Gaza. Resolusi ini hanya dianggap sebagai lebih kepada penyelesaian masalah perlarian Palestin dan menafikan hak kedaulatan di tanah air mereka.<sup>41</sup>

Tindakan Ariel Sharon mengisytiharkan bahawa perluasan jajahan takluknya di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat menyukarkan lagi proses pendamaian pada tahun 1977. Tanah-tanah di kedua-dua wilayah tersebut diserahkan kepada Menteri Pertanian Israel untuk pembukaan penempatan mereka. Pada tahun 1980, Israel mengisytiharkan tanah-tanah di Tebing Barat

<sup>37</sup> Journalists of Reuters, *The Israeli-Palestinian Conflict: Crisis in the Middle East*, Pearson Education, Inc, 2002, hlm. 154-155.

<sup>38</sup> *The Question of Palestine*, hlm. 9.

<sup>39</sup> Koleksi Keratan Akhbar UMNO - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1984-1988.

<sup>40</sup> Smith, C D, *Palestine and the Arab-Israel Conflict: A History with Document*, Bedford/St. Martin's, Boston, 2014, hlm. 305.

<sup>41</sup> Smith, C D..., 2014, hlm. 307.



yang kosong dan terbiar akan dipindah milik kepada penduduk Yahudi dengan semenang-wenangannya.<sup>42</sup> Presiden Amerika Syarikat, Jimmy Carter telah dipanggil ke Negara Arab untuk menjadi orang tengah dalam usaha damai tersebut. Beliau menyediakan satu rangka kerja di mana, “*homeland*” untuk rakyat Palestin dan “*defensible borders*” untuk Israel.<sup>43</sup> Rundingan dilihat hanyalah untuk memenuhi syarat sahaja dan tidak mencapai sebarang kemajuan. Israel hanya bersetuju untuk membekukan pembinaan penempatan baharu di Tebing Barat tetapi pencabulan prinsip asas hak milik wilayah Palestin berterusan. Rundingan ini walau bagaimanapun gagal mencapai matlamatnya ekoran sikap Israel yang tidak berubah dan peranan Amerika Syarikat yang berat sebelah.

Selepas pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin di Kem Sabra dan Shatilla pada tahun 1982, Amerika bertindak membawa masuk semula tentera sebagai langkah berjaga-jaga melindungi orang awam Palestin. Setiausaha Negara Amerika Syarikat, George Shultz mengisytiharkan bahawa rakyat Palestin adalah sepenuhnya dibenarkan mencari tempat tinggal sementara di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat.<sup>44</sup> Konflik Israel-Palestin melalui proses damai yang cuba diselesaikan tetapi berdepan dengan pelbagai halangan atau sikap Israel itu sendiri. Hal ini disebabkan oleh perebutan tanah di Jerusalem. Tindakan Israel di Palestin dan impaknya terhadap keselamatan dan keamanan menjadikan proses pendamaian berlangsung lebih lama daripada sepatutnya.

Proses pendamaian konflik Israel-Palestin diteruskan lagi dengan Perjanjian Oslo (Perjanjian Israel-Palestin) merupakan perjanjian proses Damai Timur Tengah diadakan kali pertama pada tahun 1993 dan kedua pada tahun 1995.<sup>45</sup> Perjanjian Oslo I merupakan perjanjian Israel-Palestin ditandatangani secara bebas tanpa penglibatan Amerika Syarikat. Kesan rundingan tersebut membawa kepada tindakan Yitzhak Rabin mengiktirafkan PLO sebagai mewakili rakyat Palestin dan bersedia bekerjasama dengan PLO mengenai proses keamanan di Timur Tengah. Namun, Israel tidak mengiktirafkan Palestin sebagai sebuah negara dan menafikan hak-hak rakyatnya.<sup>46</sup>

Isu konflik Israel Palestin bertambah sukar apabila Nentahayu menjadi Presiden Israel. Pada tahun 1996, pemerintahan Nentahayu melaksanakan dasar terhadap persempadanan dan pendudukan di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Benteng pemisahan juga dikenali sebagai pagar keselamatan atau dinding mula dibina di seluruh Tebing Barat. Pembinaan halangan ini yang kebanyakannya terdiri daripada pagar dawai berduri, bahagian pendek dinding konkrit dan jalan rondaan, bermula pada tahun 2003. Ia dilihat oleh Israel sebagai tindak balas keselamatan terhadap peningkatan pengeboman bunuh diri pejuang Palestin yang telah berlaku.<sup>47</sup> Kini konflik Israel tidak berubah malah menjadi lebih buruk lagi. Rundingan, resolusi demi resolusi tidak membawa sebarang kepentingan kepada rakyat Palestin. Pada tahun 2010, usaha diplomasi ditingkatkan lagi dengan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia dan Britain mengambil peranan sebagai orang tengah.<sup>48</sup>

<sup>42</sup> Smith, C D..., 2014, hlm. 327.

<sup>43</sup> Martin Wright, *Israel and the Palestinians: Countries in Crisis*, Longman, 1989, hlm. 38.

<sup>44</sup> Smith, C D..., 2014, hlm. 381.

<sup>45</sup> Matthews, G E, *The Israel-Palestine Conflict: Parallel Discourses*, Routledge Taylor & Francis Group, London, 2011, hlm. 60.

<sup>46</sup> Smith, C D..., 2014, hlm. 461.

<sup>47</sup> Matthews, G E..., 2011, hlm. 58-59.

<sup>48</sup> Stetler, R., *Palestine: The Arab-Israeli Conflict*, Rampart Press, San Francisco, 1972, hlm. 35.

Selain sokongan moral dan kewangan umat Islam secara umumnya gagal untuk membantu Palestin. Hal ini demikian kerana, sebagai penyokong utama penaung Israel, Amerika Syarikat sudah tentu melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kepentingan.<sup>49</sup> Malahan, pengaruh zionis Israel sangat meluas dan berpengaruh dalam bidang ekonomi, media, intelek dan hiburan. Keadaan tersebut menyebabkan rejim zionis Israel semakin bersikap angkuh dan tidak berperikemanusiaan sehingga jutaan rakyat Palestin yang terkorban setiap tahun. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa kelemahan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Britain dalam menangani konflik Israel-Palestin telah mendorong Malaysia memainkan peranan yang utama dan meletakkan prioriti yang tinggi terhadap konflik Israel-Palestin. Oleh sebab itu, kelemahan kuasa-kuasa besar dalam konflik Israel-Palestin menjadi asas penting dalam melaksanakan dasar luar Malaysia.

### **Kesimpulan**

Secara umumnya Malaysia telah menggubal dasar luar yang mengutamakan keselamatan dan keamanan umat Islam di Palestin serta memberi sokongan padu dan bantuan kemanusiaan mencari penyelesaian yang adil kepada konflik Palestin-Israel. Walaupun kita masih gagal membebaskan Palestin daripada penjajahan dan pengaruh Israel, namun begitu pendirian, komitmen dan peranan Malaysia untuk membela dan memperjuangkan hak asasi umat Islam tetap berterusan. Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha keras untuk mendapatkan sokongan masyarakat antarabangsa agar Israel dapat dihadapkan ke muka pengadilan antarabangsa kerana Israel dengan beraninya melakukan kekejaman yang melampau dan pembersihan etnik ke atas masyarakat Palestin.

Proses pendamaian di Timur Tengah menemui kegagalan dan dilihat tiada langkah yang konkrit. Usaha damai melibatkan orang tengah seperti Amerika Syarikat dan Bangsa-Bangsa Bersatu, Eropah dan Rusia utusan menyelesaikan konflik Israel-Palestin tetapi gagal. Pertama, rundingan damai di Timur Tengah pada tahun 1978, kedua rundingan Kem David dilihat usaha serius untuk menyelesaikan masalah dan status terkini sempadan, pelarian, penempatan, jerusalem dan rakyat Palestin.<sup>50</sup>

### **Rujukan**

- Journalists of Reuters. (2002), *The Israeli-Palestinian Conflict: Crisis in the Middle East*, Pearson Education, Inc.
- Aman Palestin. Atas talian. <http://www.amanpalestin.net>. [ 21/1/2019]
- Anidah Robani. (2009). *The Palestinian Issue: A Malaysian Perspective, 1957-2003*. IIUM Press.
- Asmady Idris. (2011). Malaysian Non-government (Ngos) and Humanitarian Issues In Gaza, Palestine. *International Journal Of West Asian Studies*, 4(1): 49-70.
- Berita Harian, 22 September 1969, hlm. 19.
- Chamil Wariya. (1989). *Dasar Luar Era Mahathir*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Chandran Jeshurun. (2007). *Malaysia: Fifty Years of Diplomacy 1957-2007*. Kuala Lumpur: The Others Press.
- Difficult Journey to Next Millenium For UN and Palestine by Abdullah Ahmad, 23 March 1997, hlm. 19.
- Ermy Azziaty Rozali & Azmeel Fakimi Kamaruzaman. (2011). Perang Dunia Pertama, Deklarasi Balfour Dan Kesannya Terhadap Palestin. *International Journal Of West Asian Studies*, 4(1): 49-70.

<sup>49</sup> *The New Straits Times*, 14 September 1993, hlm. 1.

<sup>50</sup> \_\_\_\_\_, 2002, hlm. 157.

- Faridah Jaafar. (2007). *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hafidzi Mohd Noor. (2006). *Israel: Kenapa Dunia tidak Boleh mengiktirafnya Satu Sorotan Sejarah (1917-1948)* Kuala Lumpur: JIM International & JIMedia Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia.
- Israel Review Vol. II, No. 2, March/April 1986. hlm. 8-9.
- Journal of American Judicature Society*, Volume 44, Number 7- December 1960, hlm. 9.
- Dhillon, K S. (2009). *Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era 1981-2003*. Singapore: NUS Press.
- Koleksi Keratan Akhbar UMNO - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1984-1988.
- Koleksi Keratan Akhbar UMNO Hubungan Politik dan Diplomatik 1966-1990
- Koleksi Keratan Akhbar UMNO Kementerian Luar, 1985-1991.
- Martin Wright. (1989). *Israel and the Palestinians: Countries in Crisis*. UK: Longman.
- Matthews, G E. (2011). *The Israel-Palestine Conflict: Parallel Discourses*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Middle East T.T. 15 January 1989.
- Milenia Muslim, (Mei & Disember 2008).
- Kadir, M A. Kadir. (1991). *Keamanan Sejagat: Peranan Malaysia dalam Politik Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mustaffa Suhaimi. (1988). *Palestin 40 Tahun Dalam Neraka Zionis*. Petaling Jaya: Najdi Publication.
- Palestine National Congres, Vol. 14.
- Palestine, Vol. 6, No. 21. 30 November 1980. hlm. 23.
- Penyata Rasmi Parlimen, 1987.
- Penyata Rasmi Parlimen, 2006.
- Penyata Rasmi Parlimen, 2008.
- Penyata Rasmi Parlimen, 2012.
- Russell Stetler. (1972). *Palestine: The Arab-Israeli Conflict*. San Francisco: Rampart Press.
- Smith, C D. (2014). *Palestine and the Arab-Israel Conflict: A History with Document*. Boston: Bedford/St. Martin's.
- Stetler, R. 1972. *Palestine: The Arab-Israeli Conflict*. Rampart Press: San Francisco.
- Suara Kebangkitan, (7 November 2014).
- Text of Statement of H.E. Tan Sri Ghazali Shafie, Minister of Foreign Affairs, Malaysia and Leader of Malaysian Delegation to the International Conference on the Question of Palestine, Geneva, 29<sup>th</sup> August- 7<sup>th</sup> September 1983.
- The Economist, 20-26 April 1996, hlm. 18-19.
- The Question of Palestine, hlm. 9.
- Tiada Penulis. (1993, September 14). *The New Straits Times*, hlm. 1.
- Tiada Penulis. (2003, October 13). *The New Straits Times*, hlm. 1.
- Tiada Penulis. (2003, October 19). *The New Straits Times*, hlm. 2.
- Tiada Penulis. (18 September 1969). *Utusan Melayu*, hlm. 10.
- Tiada Penulis. (5 October 1991). *Watan*, Bil. 19, hlm. 25.
- Utusan Melayu*, 18 September 1969, hlm. 10.
- Wright, M. 1989. *Israel and the Palestinians: Countries in Crisis*. UK: Longman.
- Watan*, 5 October 1991, Bil. 19, hlm. 25.
- World Muslims League, Vol.III, No. 15, August-September 1967.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri & Fatimah Syarha Mohd Noordin. (2009). *Palestin Tak Pernah Gentar: Fatwa Kontemporari dan Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.